

Penilaian Formatif Melalui Portal SLS Bagi PdP Interaksi Lisan

Zurina Yahya

zurina_yahya@schools.gov.sg

Sarifah Rahmat

sarifah_rahmat@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Jing Shan

Abstrak

Murid amat teruja dengan penggunaan portal *Student Learning Space* (SLS) di dalam bilik darjah. Portal SLS menunjukkan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) interaksi lisan dan penilaian formatif. Kajian ini mendapati bahawa melalui SLS, pengkaji menggunakan pas keluar melalui *Multiple Choice Questions* (MCQ) atau *Multiple Response Question* (MRQ) sebagai satu proses lapor balik untuk memastikan tujuan pembelajaran dan kriteria kejayaan dapat dicapai. Melalui MCQ/MRQ ini, guru meneliti jawapan yang diberikan oleh murid dan menggunakan data yang diperoleh untuk merancang pembelajaran selanjutnya. Murid dapat menyingkap semula pembelajaran mereka di akhir pengajaran lisan dan kaedah yang digunakan juga berjaya menarik minat murid dalam pembelajaran tersebut.

Kata Kunci: SLS, ICT, lisan, bacaan, penilaian formatif, pas keluar, MCQ, MRQ



PENGENALAN

Murid generasi Alpha (kelahiran 2010-2025) amat teruja apabila portal teknologi komunikasi maklumat (ICT) seperti portal Ruang Pembelajaran Pelajar atau *Student Learning Space* (SLS) digunakan di dalam bilik darjah. Kaedah ini serasi dengan pencernaan minda generasi milenial yang serba terdedah dengan media yang pelbagai (Prensky, 2001). Melalui PdP di Singapura, murid sudah didedahkan dengan pelbagai jenis kaedah berkesan seperti penilaian formatif untuk merangsang minat mereka dalam proses menggarab ilmu dan pemahaman mereka dalam apa sahaja subjek yang dipelajari.

Dalam merenung hal yang disebutkan tadi, pengkaji mendapati bahawa portal SLS yang memuatkan perisian seperti *Multiple Choice Questions* (MCQ) atau *Multiple Response Question* (MRQ) dapat digunakan sebagai pas keluar (*exit pass*). Ini merupakan satu proses peninjauan atau lapor balik daripada murid untuk memastikan tujuan pembelajaran dan kriteria kejayaan telah dicapai dalam PdP lisan yang dijalankan. Melalui MCQ/MRQ ini, guru akan meneliti jawapan yang diberikan oleh murid dan menggunakan data yang diperolehi untuk merancang pembelajaran selanjutnya. Murid dapat menyingkap semula pembelajaran mereka di akhir pengajaran lisan dan kaedah yang digunakan juga berjaya menarik minat murid dalam pembelajaran tersebut.

PERNYATAAN MASALAH

Secara umum, pas keluar yang biasa digunakan oleh guru bersama murid dalam bilik darjah adalah melalui cara tradisional seperti menggunakan kad indeks, kertas warna *post-it*, papan putih mini dan alat atau bahan mujud lain. Namun apakah cara lain yang dapat digunakan untuk menyematkan portal SLS dalam kaedah penilaian formatif ini?

Pemerhatian awal guru mendapati bahawa murid sering dinilai secara sumatif, iaitu dengan memberikan markah bagi penilaian akhir sesuatu ujian atau peperiksaan. Murid turut terdedah dalam penggunaan rubrik bercetak untuk penilaian sendiri, penilaian rakan sedarjah dan penilaian kumpulan. Tinjauan awal mendapati bahawa murid juga amat terbiasa dengan penilaian



formatif pas keluar namun tidak pernah menggunakannya dalam portal SLS.

Sehubungan itu, guru perlu mencari suatu laluan jelas di mana kedua-dua kaedah efektif tersebut dapat diselarikan agar PdP di dalam bilik darjah berlangsung dengan baik.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menerapkan portal SLS dalam penilaian formatif; dan
2. menilai keberkesanan penggunaan pas keluar dalam portal SLS (MCQ/MRQ).

KAJIAN LEPAS

Teknologi pendidikan dalam PdP bukanlah idea baharu walaupun bukanlah mudah untuk mengenali pemulaannya kerana ianya seusang bahasa sendiri (Westera, 2010). Sekian lama, teknologi PdP setakat 'kapur dan papan hitam' tetapi zaman bertukar ganti di mana bahan radio dan filem digunakan. Kemudian dalam zaman terkini, perkembangan pesat teknologi maklumat dan informasi mengubah kehidupan manusia dan cara maklumat digarab. Menurut Karagiannidis (2014, hal 5), dalam kajian oleh Plester dan Wood (2009), 82% daripada kanak-kanak berumur antara 8-11 tahun dan 93% daripada kanak-kanak antara 12-15 tahun sudah menggunakan alat bijak. Mereka gunakan alat bijak ini untuk menghantar pesanan ringkas dan menggunakan komputer untuk mempunyai pelbagai akaun media sosial. Ini jelas menunjukkan murid sekolah rendah mahir menggunakan alat bijak dan komputer.

Dalam naskah kumpulan kajian yang dibukukan oleh Karagiannidis (2014), beliau menghidangkan tren-tren terkini dan isu-isu berkenaan integrasi ICT dalam PdP. Ini termasuk sofwe pengajaran, permainan digital pengajaran, pembelajaran kolaboratif dalam ruang digital, pembelajaran virtual, media sosial, pembelajaran analitiks, muzium digital dan evolusi pembelajaran elektronik atau '*e-learning*'. Salah satu perkara yang biasanya menarik minat



murid ialah perisian yang bermakna. Perisian ICT yang membosankan atau perisian yang tiada sangkut-paut dengan pembelajaran di dalam bilik darjah akan menjadikan murid bingung dan hilang minat bagi pembelajaran akan datang bagi memenuhi keperluan pembelajaran mereka.

Menurut Brookhart (2010), penilaian formatif merupakan proses penilaian semasa PdP dijalankan untuk mengumpul maklumat dan bukti sejauh mana murid memahami atau dapat melakukan tugasan. Teknik penilaian formatif yang disyorkan oleh Dylan & Leahy (2015, hal 7) adalah berbentuk pas keluar (*exit pass*) yang dapat memberikan maklumat yang diperlukan guru untuk membantu murid supaya dapat merancang PdP selanjutnya. Menurut Dylan & Leahy (2015, hal 82) lagi, guru akan dapat memberikan maklum balas yang berkesan dan menilai semula respons murid secara serta merta atau boleh diberikan selepas waktu bilik darjah.

Hung & Jun (2016) dalam *Reflections on 12 years of Research into ICT-in-Education and the Learning Sciences in Singapore* menyatakan “Pembelajaran berteraskan ICT, sebagaimana yang diterapkan guru-guru dan sekolah-sekolah, didukung dasar-dasar yang memungkinkan, menjadi kunci terhadap usaha ini. Membuat proses yang dapat dilihat (dari bawah), interaksi yang berlaku dalam pembelajaran sedemikian memungkinkan dasar-dasar (ke bawah) lebih fokus dan tertumpu”. Ini bermaksud bahawa pendekatan penggunaan ICT dalam PdP melalui dasar-dasar yang dikenakan oleh pihak kementerian merupakan kunci ikhtiar yang membuat para guru di Singapura menerajui amalan-amalan penggunaan ICT. Namun menurut Hung & Jun, dasar PdP (aras bawah ke atas) dilaksanakan menurut proses yang disumbang-sarankan oleh para guru lebih berkesan.

Natijahnya, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan bahan yang digunakan guru dan murid dalam penilaian formatif yang amat berkesan dalam PdP dan pada masa yang sama mewarnai PdP dalam bilik darjah.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang menerapkan pengajaran eksplisit ini berbentuk kuantitatif



dan kualitatif yang menggunakan data penilaian formatif (pas keluar) dalam dua senario PdP yang berbeza (praSLS dan pascaSLS yang akan diterangkan dalam perenggan seterusnya). Seorang guru terlibat dalam menjalankan pengajaran manakala seorang guru lain menjalankan wawancara lapor balik agar mendapatkan respons yang autentik.

Instrumen Kajian

Dalam PdP pertama, portal SLS tidak digunakan sama sekali (praSLS) dan penilaian formatif diberikan melalui kaedah tradisional, iaitu 'pensel dan kertas'. Dalam PdP kedua, MCQ/MRQ dalam portal SLS pula digunakan (pascaSLS). 4 soalan pas keluar menilai pemahaman murid semasa PdP diberikan. Soalan pas keluar tersebut diberikan kepada murid di akhir setiap fasa; selepas PdP fasa praSLS dan selepas fasa pascaSLS dijalankan. Jawapan yang diberikan murid dikumpulkan dan dianalisis.

Kemudian, pada akhir kedua-dua fasa praSLS dan pascaSLS, 3 soalan wawancara ditanya kepada responden secara individu. Soalan-soalan bertujuan untuk mencungkil perasaan dan mutu PdP mengikut perspektif para murid. Soalan ditanya oleh ahli pengkaji yang bukan menjalankan PdP di bilik darjah untuk memastikan kesahihan dapatan kajian.

Subjek Kajian

16 orang murid Darjah 3 dalam kelas Bahasa Melayu pada aras kebolehan hingga melebihi aras kebolehan (MA – HA) dipilih sebagai subjek kajian. Semua murid mengenali huruf dan pandai membaca. Semua murid mempunyai akaun SLS dan agak mahir menggunakan portal SLS kerana pernah menggunakan portal SLS dalam pembelajaran dan subjek-subjek lain. Setiap murid mempunyai akaun SLS yang aktif dan hampir semua murid berpengalaman dengan penggunaan SLS sekurang-kurangnya 3 kali untuk subjek bahasa Melayu – khususnya MCQ/MRQ tanpa kejanggalan, termasuk 4 murid yang baru diperkenalkan dengan MCQ/MRQ tetapi mereka tidak menunjukkan masalah menggunakan MCQ/MRQ.



Prosedur Kajian

Bagi kajian ini, komponen bacaan diberikan tumpuan dalam PdP. Tahap pencapaian murid dalam komponen bacaan sudah diketahui melalui Peperiksaan Semestral 1 (SA1). Dalam kedua-dua fasa praSLS dan pascaSLS, murid diajar membaca mengikut sebutan baku yang betul dan jeda yang sesuai. Mereka diajar mengenai intonasi yang boleh diterima sebagai intonasi yang baik dan menyakinkan pendengar mengikut ekspresi perasaan yang dijangkakan pembaca berkenaan watak dalam teks bacaan.

Sejajar dengan Falsafah Kurikulum Singapura, guru dalam kajian ini menaruh kepercayaan bahawa setiap murid mahu dan boleh memberikan tumpuan kepada keperluan PdP melalui pembentukan pengalaman pembelajaran. Dalam masa yang sama, kajian selaras dengan sandaran Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang berpusatkan kepada murid dengan mengambil kira kesediaan murid.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Respons penilaian formatif melalui pensel dan kertas memerlukan kerja tambahan bagi guru untuk menyatukan dan menganalisis jawapan yang diberikan murid. Manakala, respons daripada pas keluar yang diberikan melalui portal SLS memberikan guru pemahaman secara serta merta agar guru dapat memberikan lapor balik dan maklum balas yang sewajarnya kepada murid kerana jawapan pas keluar murid dapat ditinjau dengan jelas dan cepat melalui portal SLS. Walaupun ini dapat juga dilihat semasa penggunaan penilaian formatif pas keluar dengan menggunakan papan putih mini, dan post-it, penilaian yang menggunakan SLS lebih teratur dan terus dipaparkan di laluan portal SLS itu sendiri. Ini membantu guru dalam pengumpulan data digital yang lebih cekap bagi bertujuan untuk merancang pembelajaran seterusnya.

Dari segi markah yang diterima oleh murid, rata-rata murid dapat menggarab PdP yang dijalankan dan dapat membaca dengan penuh intonasi dan sebutan baku seperti mana yang dikehendaki dalam kedua-dua fasa



kajian, iaitu praSLS dan PascaSLS. Rajah 1 menunjukkan peningkatan pemahaman ketara dilihat dalam semua subjek kajian selepas pascaSLS, iaitu apabila portal SLS digunakan untuk pas keluar dalam penilaian formatif (lihat rajah di bawah).

Rajah 1: Dapatan PraSLS Dan PascaSLS



Kajian ini mendapati bahawa portal SLS merupakan satu cara yang amat menyeronokkan bagi murid dan khususnya penggunaan MCQ/MRQ sebagai pas keluar bagi satu proses pengumpulan data berkenaan tahap pemahaman murid. Ini bagi memastikan tujuan pembelajaran dan kriteria kejayaan telah dicapai dalam pembelajaran lisan yang dijalankan.

Melalui wawancara pula, 100% reponden menyuarakan bahawa mereka teruja dengan penggunaan MCQ/MRQ sebagai pas keluar.

1. Pernahkah kamu menggunakan pas keluar di platform SLS sebelum ini?
(93.75% menjawab tidak pernah)
2. Adakah kamu suka kaedah pertama atau kedua yang menggunakan komputer untuk pas keluar?
(93.75% [15 murid] lebih menyukai kaedah kedua. Apabila 6.25% [1 murid] ditanya mengapa, murid tersebut menyatakan (transkrip):




“Dua-dua boleh, saya tak cerewet Cikgu.”

3. Julat (*range*) 1-10, apakah perasaan kamu menggunakan cara pensel dan kertas berbanding dengan pas keluar menggunakan SLS?

(62.5% [10 murid] menjawab julat 8-10, 31.25% [5 murid] menjawab julat antara 6-8, dan 6.25% menjawab julat 5. Apabila ditanya mengapa, murid tersebut menyatakan (transkrip): “Saya tak kisah lah, kertas atau komputer (ke)dua-dua saya suka.”

Rajah 2: Julat Respons Murid



Sebagai langkah seterusnya, dengan maklumat yang diterima, guru dapat merancang PdP selanjutnya dengan berkesan. Maka guru telah menggunakan portal SLS yang sesuai untuk lisan (rakaman audio) dalam PdP seterusnya kerana mendapati bahawa murid amat jelas dengan apa yang diajar semasa kajian dijalankan.

Sejurus itu, peningkatan pada markah murid dalam peperiksaan SA2 berbanding dengan SA1 dapat dilihat. Secara keseluruhan, murid mendapat kesan positif daripada penilaian formatif pasca SLS dan memahami kedua-dua komponen tersebut amat penting bagi mencapai markah lisan (bacaan) yang cemerlang. Dalam semua aktiviti SLS kajian ini, murid kurang memerlukan bimbingan dalam penggunaan portal tersebut kerana amat selesa dan mahir menggunakannya. Di samping itu, keriangannya yang terpancar pada wajah semua murid kerana terlibat secara aktif dalam pembelajaran amat ketara. Ini penting dalam pendidikan zaman milenial ini di mana murid harus merasakan keselesaan dan keterlibatan mereka di dalam bilik darjah (Fredrickson, 2005).

KESIMPULAN

Selain daripada memenuhi kriteria STP, kajian ini menyahut apa yang dibincangkan Hung & Jun (2016) bahawa dasar PdP (*'bottom up approach'*) atau pendekatan aras bawah ke atas, dilaksanakan menurut proses yang disumbang-sarankan oleh pengkaji lebih berkesan. Melalui portal SLS juga, PdP komponen lisan dapat dilaksanakan dengan cara yang amat menyeronokkan dan berpusatkan kepada murid *Generasi-Alpha* yang merupakan penghuni digital.

Guru berjaya menggunakan portal SLS sebagai alat utama bagi penilaian formatif (pas keluar) dalam PdP lisan (bacaan). Guru turut mencungkil kelebihan kebolehan murid dalam penggunaan SLS dan MCQ/MRQ tanpa sebarang kegenjotan atau masalah semasa PdP dijalankan. Soalan-soalan yang khusus direka bagi mengimbang tahap pencapaian murid dalam memahami apa yang diajar.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Safidah Samsudin

RUJUKAN

- Brookhart, Susan M. (2010). *Formative Assessment Strategies For Everyday Classroom*. Virginia: ASCD.
- Dylan, William; Leahy, Siobhan. (2015). *Embedding Formative Assessment (Practical Techniques for K-12 Classrooms*. Learning Science International.
- Fredickson, Barbara L.; Losada, Marcial F. (2005). *Positive Affect and Complex Dynamics of Human Flourishing*. American Psychologist. Oct 60(7): 678-686.



Hung, David; Jun, Song Huang (2016). Reflections on 12 years of Research into ICT-in-Education and the Learning Sciences in Singapore, Vol. 56, No. 1 (January-February 2016), pp. 27-31. *Educational Technology*.

Karagiannidis, Charalampos, dll (2014). *Research on e- Learning and ICT in Education: Technological, Pedagogical and Instructional Perspectives*. Springer.

Prensky, ;Marc. (2001) *Digital Natives, Digital Immigrants, On The Horizon*, Vol. 9, No. 5. University Press

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan Pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

